

06 SEP 1996

Sarawak-Anwar (Fokus Pilihan raya)

LAWATAN ANWAR SEDARKAN PENGUNDI KENAPA PERLU PILIH BN?

Oleh: Amer Hamzah Md Sap

KUCHING, 6 Sept (Bernama) -- Dalam kerancangan pembangkang berkempen untuk memenangi hati para pengundi dalam pilihan raya negeri ini, pelbagai janji dan dakwaan dibuat.

Ramai juga yang sanggup menggunakan nama para pemimpin pusat seperti mendapat sokongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagaimanapun, lawatan Timbalan Perdana Menteri ke negeri ini semalam mungkin dapat menjawab pelbagai persoalan yang bermain dalam fikiran para pengundi, terutama mereka yang di "atas pagar."?

Selama lapan jam beliau berada di sini, Anwar telah melawat ke tiga buah kawasan untuk menjelaskan pelbagai dakwaan yang dibangkitkan oleh pembangkang.

Beliau merupakan pemimpin peringkat pusat yang turut turun ke Sarawak untuk memastikan Barisan Nasional (BN) mengekalkan 100 peratus wakil, seperti sebelum pembubaran Dewan Undangan Negeri pada 15 Ogos lepas.

Para pengundi di 43 kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak akan keluar mengundi pada esok dan Ahad. Sebanyak 19 kawasan lagi dimenangi BN pada hari penamaan calon.

Sebaik tiba di sini pada pukul dua petang, beliau dibawa terus ke Simunjan, kira-kira 180km dari sini, diikuti ke Kampung Stenggang 60km dari sini manakala pada sebelah malamnya merasmikan jambatan bertingkat di bandar ini.

Perkara utama yang ditekankan oleh Anwar semasa berada di sini ialah hanya BN yang dapat membawa pembangunan kepada rakyat di negeri ini.

Walaupun kerajaan persekutuan mengutamakan projek-projek bernilai ribuan juta ringgit, projek-projek kecil khusus untuk sesuatu kawasan tidak diabaikan, katanya.

Beliau berkata projek besar adalah untuk memastikan ekonomi negara berkembang manakala projek-projek bersifat tempatan merupakan kemudahan yang sememangnya diperlukan oleh rakyat.

Anwar berkata beliau juga bersedia menambah mana-mana kekurangan peruntukan pembangunan kecil yang disediakan oleh kerajaan negeri seperti untuk jalan raya, elektrik, air dan kemudahan lain yang diperlukan.

Anwar turut meminta para pengundi menolak janji-janji pembangkang yang mendakwa kononnya mereka dapat menyediakan perkara-perkara yang mustahil dilakukan oleh seseorang yang sememangnya tiada kuasa untuk berbuat demikian walaupun menang di dalam pilihan raya itu.

Antara janji yang dibuat oleh pembangkang ialah seperti mewujudkan sebuah universiti khas untuk Sarawak serta memberi semua rakyat Sarawak saham Projek Hidro-Elektrik Bakun.

Sekaligus, beliau meminta mereka (pengundi) berhati-hati dengan pujuk rayu sedemikian yang sudah tentu manis di mulut, hasilnya belum diketahui lagi.

Selain itu, Anwar meminta para pengundi turut memilih BN kerana ia mengamalkan politik kesederhaan yang mengambilkira kepentingan semua kaum ketika mengagih-agihkan kekayaan negara.

Katanya kerajaan Malaysia yang diterajui BN tidak percaya kepada politik perkauman dan membangkitkan isu-isu yang memecahbelahkan perpaduan yang selama ini terjalin antara berbilang kaum di negara ini.

Ramai pemerhati politik di sini berpendapat kedatangan Anwar dan penjelasannya mengenai pelbagai perkara yang ditimbulkan oleh pembangkang

kena pada masanya.

Menurut mereka, penjelasan Timbalan Perdana Menteri itu memberikan satu impak serta daya tolakan kepada para pengundi untuk memilih BN pada esok dan lusa.

-- BERNAMA

AHM AKD